

**TEKS UCAPAN
YANG BERTAMBAH DATUK SERI PANGlima MADIUS TANGAU
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**MAJLIS PERASMIAN
“TECHNOLOGY PREVIEW AND SHOWCASE
AGENCI NUKLEAR MALAYSIA 2015”**

**DEWAN TUN DR. ISMAIL
AGENCI NUKLEAR MALAYSIA, BANGI**

ISNIN, 26 OKTOBER 2015

Terima kasih Pengacara Majlis

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

YANG BERBAHAGIA DATO' DR. MOHD AZHAR HJ YAHAYA
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), MOSTI

YANG BERBAHAGIA DATO' Dr. MUHAMAD LEBAI JURI
Ketua Pengarah
Agensi Nuklear Malaysia

Wakil Industri dan *stakeholders*

Rakan media

Para jemputan yang saya hormati sekalian

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Agensi Nuklear Malaysia kerana menjemput saya hadir ke Majlis **Technology Preview & Showcase 2015** pada pagi ini.

2. Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada Nuklear Malaysia kerana menyediakan platform yang dapat **memupuk jaringan kerjasama antara semua stakeholders**, khususnya antara institusi penyelidikan, institusi pengajian tinggi dan pihak industri serta masyarakat.

3. Majlis pada pagi ini juga penting kerana selain mempamerkan pencapaian Nuklear Malaysia dari segi *core business* nya, iaitu **pembangunan dan penyelidikan (R&D) dalam sains dan teknologi nuklear**, *stakeholders* berpeluang menilai pencapaian serta mendapat maklumat terkini mengenai satu lagi fungsi utama Nuklear Malaysia, iaitu sebagai pembekal **perkhidmatan saintifik**.

4. Saya berasa bangga dengan kejayaan dan kegigihan Nuklear Malaysia yang telah menghasilkan pelbagai produk R&D dan menawarkan perkhidmatan saintifik. Melalui program seperti ini, saya juga berharap Jabatan/Agensi MOSTI dapat **meningkatkan keyakinan dan kepercayaan stakeholders dan pelanggan ke atas tahap sistem penyampaian perkhidmatan** Jabatan dan Agensi Kerajaan.

5. Saya dimaklumkan bahawa **lebih 6,000 pelanggan, terdiri daripada agensi kerajaan dan syarikat swasta telah mendapat manfaat daripada perkhidmatan saintifik yang ditawarkan oleh Nuklear Malaysia**. Malahan, saya dimaklumkan bahawa perkhidmatan

saintifik oleh Nuklear Malaysia telah menjana **pendapatan tahunan berjumlah sekitar RM13.0 juta bagi tempoh 2009 – 2014.**

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati,

6. Sesungguhnya penganjuran Majlis pada hari ini amat bertepatan sekali kerana baru Jumaat lepas, YAB Perdana Menteri dalam ucapan **Bajet 2016** telah mengisytiharkan **“TAHUN PENGKOMERSILAN MALAYSIA 2016”** yang akan diterajui oleh MOSTI.

7. Ianya merupakan satu **pengiktirafan kepada MOSTI, Jabatan dan Agensi dibawahnya serta komuniti sains, teknologi dan inovasi (STI)** sekalian. Ini juga dapat memastikan **kesinambungan agenda STI negara**, khususnya program *Tahun Pengkomersilan MOSTI (MCY)* yang telah dilancarkan pada tahun 2014. Di samping itu, tuan-tuan dan puan-puan tentu masih ingat bahawa YAB Perdana Menteri, dalam ucapan **Bajet 2015**, telah menetapkan sasaran **pengkomersilan 360 produk R&D berimpak tinggi menjelang tahun 2020.**

8. Saya dimaklumkan bahawa semasa pelancaran MCY 2014, sebanyak 10 produk baharu oleh Nuklear Malaysia telah dipamerkan dan pada hari ini saya diberitahu 5 produk lagi akan dilancarkan, iaitu ***Rust Inhibitor, Active Packaging Grafted Film, Aquacage, Survey Meter*** dan **Pengeluaran Iridium-192.** Tahniah.

9. Saya yakin aktiviti pemindahan teknologi dan pengkomersilan akan dapat ditingkatkan lagi melalui kerjasama erat antara Nuklear Malaysia dan institut-institut penyelidikan lain dengan universiti dan

industri bagi menghasilkan produk R&D yang mempunyai nilai komersial serta memenuhi kehendak pasaran. Dengan ini, industri tempatan, terutama industri kecil dan sederhana (IKS), dapat meningkatkan nilai tambah perniagaan mereka, sekaligus menyumbang kepada daya saing ekonomi negara di peringkat global.

10. Malahan di bawah RMKe-11, MOSTI akan memberi penekanan kepada **penguasaan dan pemeraksanaan bidang dan teknologi strategik seperti nanoteknologi dan internet of things (IoT) bagi meningkatkan daya saing negara**. Aktiviti R&D pula akan berorientasi ***demand-driven*** yang melibatkan kerjasama erat antara institut penyelidikan, universiti dan industri serta **inklusif**, dengan penyertaan semua *stakeholders*, terutama dalam pelaksanaan **inovasi sosial** dan pengurusan bencana ekoran cuaca melampau (*extreme weather*) gempa bumi dan tsunami. Pada masa yang sama revolusi internet telah menjadikan ekosistem sains dan R&D semakin terbuka (***open science***).

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Saya juga ingin mengucapkan tahniah atas kerjasama yang berjaya dijalinan antara **Nuklear Malaysia** dengan **Dewan Bahasa dan Pustaka** (DBP), untuk mendekati rakyat. Bagi saya, kerjasama dengan DBP adalah medan yang tepat sekali untuk menyampaikan ilmu pengetahuan mengenai teknologi nuklear kepada masyarakat umum.

12. Saya harap karya yang dihasilkan nanti **ditulis dengan bahasa yang mudah** supaya salah faham dan salah tafsir terhadap ilmu berkaitan bahan radioaktif ini dapat diperbetulkan. Ini termasuklah **meningkatkan kefahaman masyarakat umum mengenai aplikasi**

sains dan teknologi nuklear yang bersifat *dual use*, iaitu persenjataan dan keamanan (*military and peaceful*).

13. Cabaran besar bagi komuniti sains, teknologi dan inovasi (STI) ialah dari segi ***“humanizing innovation,”*** iaitu memastikan seluruh anggota masyarakat, terutama di peringkat akar umbi, **lebih mudah memahami STI serta dapat merasai impak STI ke atas urusan kehidupan harian dan kualiti hidup mereka.** Dalam hubungan ini, kita perlu berkomunikasi dengan *stakeholders* dalam bahasa yang lebih mudah difahami untuk menarik minat dan penglibatan mereka, ke arah agenda STI negara yang lebih inklusif.

Hadirin sekalian,

14. Mengakhiri ucapan, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Nuklear Malaysia yang telah mendapat pengiktirafan daripada Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) sebagai ***“IAEA Collaborating Centre in the Area of Non-Destructive Testing (NDT),”*** semasa Persidangan Agong IAEA ke-59, 14-18 September 2015, di Vienna, Austria.

15. Saya dimaklumkan bahawa pada tahun 2014, dan di Persidangan yang sama, Nuklear Malaysia telah dianugerahkan ***“FAO/IAEA Achievement Award in the Area of Plant Mutation Breeding.”*** Pengiktirafan ini telah membuktikan kejayaan serta keupayaan Nuklear Malaysia dalam membangun dan mempromosi sains dan teknologi nuklear secara aman di Malaysia dan rantau Asia Pasifik. Syabas.

16. Saya yakin dan dengan dengan kegigihan dan kerjasama semua pihak, iaitu kerajaan, akademik dan industri, aplikasi teknologi nuklear dapat diperhebatkan lagi untuk manfaat masyarakat dan membantu perkembangan industri serta kemajuan negara. Sesungguhnya, **sistem penyampaian perkhidmatan awam, perlu dipastikan mencapai taraf kelas pertama** bagi memenuhi ekspektasi *stakeholders* .

17. Syabas juga saya ucapkan kepada para penyelidik Nuklear Malaysia kerana berjaya untuk berkarya, yang mana **6 buah** buku, sains dan teknologi nuklear akan dilancarkan sebentar lagi.

18. Akhir kata, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis ***“Technology Preview & Showcase Agensi Nuklear Malaysia 2015.”***

Sekian. Terima kasih.
